

Bil. S 42

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (PINDAAN), 2024

SUSUNAN PERKARA-PERKARA

Perkara

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
  2. Pindaan Perkara 2 dari Perlembagaan I
  3. Pindaan Perkara 6
  4. Pindaan Perkara 7
  5. Pindaan Perkara 8
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (PINDAAN), 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran dan permulaan kuat kuasa**

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Pindaan), 2024 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada tarikh Perintah ini dibuat.

**Pindaan Perkara 2 dari Perlembagaan I**

2. Perkara 2 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, dalam Perintah ini disebut sebagai Perlembagaan itu, adalah dipinda, dalam Fasal (1) —

(a) dengan memotong takrifan "Timbalan Sultan" dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

" "Timbalan Sultan" bermakna —

(a) orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah bab 17 dari Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959; atau

(b) dalam Tempoh Sementara, orang-orang yang menjalankan untuk dan bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah bab 12 dari Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959;";

(b) dengan memotong takrifan " "Kebawah Duli Yang Maha Mulia" atau "Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan" " dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

" "Kebawah Duli Yang Maha Mulia" atau "Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan" bermakna Sultan yang baru dimasyhurkan telah menaiki takhta Kerajaan sama ada atau tidak Baginda telah dipuspakan atau ditabalkan sebagai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, tidak kira sama ada suatu perisytiharan

telah dibuat atau disahkan di bawah bab 12 dari Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959 bahawa Baginda, oleh kerana Baginda tidak berupaya untuk membuat keputusan, tidak berdaya pada masa itu untuk menjalankan tugas-tugas Negara;”;

(c) dengan memasukkan sejurus selepas takrifan “Surat Perintah” takrifan baru yang berikut —

“ “Tempoh Sementara” bermakna tempoh antara masa pengesahan di bawah cerai (1) bab 12 dari Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959 oleh Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja dan Pengganti yang sah yang diisytiharkan di bawah cerai (2) bab 3 dari Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959 bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak berdaya pada masa itu untuk menjalankan tugas-tugas Negara dan masa perisytiharan di bawah cerai (1) atau (2A) bab 12 dari Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959, mengikut mana yang lebih awal, bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berupaya untuk membuat keputusan;”.

#### **Pindaan Perkara 6**

3. Perkara 6 dari Perlembagaan itu adalah dipinda, dalam Fasal (1A), dengan memotong “Pengganti yang sah yang diisytiharkan di bawah cerai (2) bab 3 dari Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959, Timbalan Sultan dan Pemangku Raja,” dari baris-baris kedua, ketiga dan keempat.

#### **Pindaan Perkara 7**

4. Perkara 7 dari Perlembagaan itu adalah dipinda —

(a) dengan memotong Fasal (1) dan menggantikannya dengan Fasal baru yang berikut —

“(1) Majlis Mesyuarat Di-Raja tidak boleh dipanggil bermesyuarat kecuali —

(a) dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan; atau

(b) dalam Tempoh Sementara, oleh Timbalan Sultan.”;

(b) dengan memasukkan sejurus selepas Fasal (1) Fasal baru yang berikut —

“(1A) Bagi mengelakkan kewahaman, Majlis Mesyuarat Di-Raja tidak boleh dipanggil bermesyuarat oleh Timbalan Sultan yang dilantik di bawah bab 17 dari Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959.”.

#### **Pindaan Perkara 8**

5. Perkara 8 dari Perlembagaan itu adalah dipinda —

(a) dalam Fasal (1), dengan memotong “, seboleh-bolehnya,”;

(b) dengan memotong Fasal (2) dan menggantikannya dengan Fasal baru yang berikut —

“(2) Sekiranya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan diisytiharkan dan disahkan, oleh kerana Baginda tidak berupaya untuk membuat keputusan, tidak berdaya pada masa itu untuk menjalankan tugas-tugas Negara di bawah ceraiian (1) bab 12 dari Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959, orang yang akan mempengerusikan mesyuarat itu hendaklah Timbalan Sultan yang ditakrifkan sebagaimana yang demikian dalam Tempoh Sementara.”.

Diperbuat pada hari ini 17 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1446 bersamaan dengan 21 haribulan Oktober, 2024 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**